

18/03/2015 - Majlis Makan Malam Kadert PTD Bil 1/2014

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Dihormati Saudara / Saudari Pengacara Majlis,

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia,

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,
Yang Berhormat Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri,

Yang Berbahagia Dato' Jalil bin Marzuki,
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pengurusan)

Yang Berusaha Dr. Haji Ahmad Jailani Muhamed Yunus,
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)

Yang Berbahagia Dato' Dr. Mazlan Yusoff
Pengarah INTAN,

Pegawai-pegawai Kanan JPA dan INTAN,

Wakil agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dengan pelaksanaan modul bagi Kursus Kadet Pegawai Tadbir dan Diplomatik, dan seterusnya

Saudara dan Saudari para peserta Kursus Kadet yang saya kasihi sekalian.

PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan izinNya jua, dapat kita berhimpun di Majlis Makan Malam bersama 145 peserta Kursus Kadet PTD Bil. 1/2014.

2. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak INTAN atas penganjuran majlis makan malam ini dan memberikan saya kesempatan untuk beramah mesra bersama dengan saudara dan saudari sekalian atau dikenali sebagai “PROTEJA” singkatan kepada Profesionalisme, Teras, Evolusi dan Jati Diri.

3. Setinggi-tinggi tahniah juga diucapkan kepada saudara dan saudari sekalian kerana telah berjaya mengharungi perjalanan kursus untuk tempoh satu tahun yang telah bermula pada 16hb Mac 2014 dan Insya-Allah akan menyertai perkhidmatan Awam pada 23hb Mac ini. Atas semangat dan iltizam yang diberikan syabas saya ucapkan.

MALAYSIA DI PERSADA ANTARABANGSA: ANALISIS RINGKAS DI PETA GLOBAL

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Forum Ekonomi Dunia (WEF) telah mengeluarkan Laporan Daya Saing Global (GCR) bagi tahun 2014-2015 yang membawa perutusan gembira kepada Malaysia. Mengikut laporan tersebut, Malaysia kini merupakan anggota kelompok 20 buah negara paling berdaya saing daripada 114 buah negara. Pencapaian ini merupakan peningkatan daripada kedudukan ke-24 daripada 148 buah negara pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan agenda transformasi yang dilaksanakan di negara kita berjaya meletakkan Malaysia sebagai salah sebuah negara paling

kompetitif di dunia berbanding negara-negara maju yang lain seperti Australia (22) dan China (28).

5. Walaupun negara telah mencapai kejayaan yang amat membanggakan, namun perubahan senario ekonomi global yang berlaku pada masa ini telah memberi impak langsung kepada ekonomi negara dan seterusnya menjadikan usaha untuk meletakkan negara ke arah landasan yang digariskan kian mencabar.

MENGUTAMAKAN PRODUKTIVITI DALAM MENANGANI ISU DEFISIT FISKAL NEGARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Salah satu cabaran penting kerajaan pada masa ini ialah untuk menguruskan isu defisit fiskal negara. Kerajaan telah menetapkan sasaran supaya defisit fiskal negara perlu berada dalam lingkungan peratusan yang terkawal menjelang tahun 2020. Salah satu penyumbang utama kepada defisit ini adalah perbelanjaan mengurus yang tinggi di mana elemen emolumen menjadi antara komponen terbesar.

7. Sehubungan dengan itu, bagi mengimbangi perbelanjaan emolumen yang tinggi tersebut, maka kerajaan perlu memastikan produktiviti negara adalah setimpal dengan bilangan penjawat awam yang ada. Bagi maksud ini, kerajaan telah bersetuju supaya pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Malaysia Productivity Corporation (MPC) melaksanakan kajian mengenai tahap produktiviti negara berbanding jumlah penjawat awam yang ada.

8. Menyentuh mengenai perihal ini, saya berharap saudara dan saudari sekalian dapat meningkatkan kemahiran*multi-tasking* di dalam diri masing-masing apabila mula berkhidmat sebagai seorang penjawat awam. Walaupun bergelar sebagai seorang pegawai, kerja-kerja seharian seperti membuat fotokopi,

pemfailan, *binding* dan sebagainya boleh dilakukan sendiri tanpa mengharap daripada bantuan orang lain. Keperluan ini adalah bukan sahaja untuk kemahiran diri sendiri malah bagi meningkatkan produktiviti tugas atau kerja di tempat kerja masing-masing.

MEMUPUK BUDAYA INTEGRITI DAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL SECARA BERHEMAH

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Laporan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) pada tahun 2014 merekodkan Malaysia berada di tangga ke-50 berbanding di tangga ke-53 pada tahun sebelumnya. Sekalipun terdapat perubahan positif yang sekali menjadi indikator bahawa inisiatif di bawah Pelan Transformasi Kerajaan mula menunjukkan keberkesannya, kita tidak boleh berasa selesa.

10. Melihat kepentingan nilai integriti dalam diri penjawat awam, saya menyeru saudara-saudari sekalian, untuk sentiasa mendukung nilai profesionalisme pada tahap tertinggi. Malah pengukuhan sifat integriti dalam diri saudara-saudari perlu dipupuk dan dimulakan pada peringkat awal.

11. Di samping itu, integriti juga perlu diterjemahkan dalam penggunaan media sosial. Saya ingin berpesan kepada saudara dan saudari sekalian agar dapat menggunakan platform media sosial secara berhemah dan bertanggungjawab.

MENANGANI CABARAN TERKINI MELALUI MPA DAN NBOS

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Hakikat bahawa Malaysia kini berada dalam selekoh terakhir dan berhadapan dengan cabaran-cabaran konvensional dan baharu adalah sesuatu yang tidak dapat disangkal lagi. Malah, dalam menuju ke garisan penamat Wawasan 2020, banyak lagi agenda negara yang perlu diselesai dan disempurnakan oleh kerajaan.

13. Laporan kaji selidik MyWorld oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap lebih 1 juta penduduk daripada 194 negara menunjukkan “an honest and responsive government” merupakan salah satu daripada empat keutamaan yang diinginkan oleh rakyat seluruh dunia. Untuk menjadi responsif, kita harus menjadi penjawat awam yang arif tentang keperluan serta aspirasi rakyat.

14. Sehubungan dengan itu, menyedari akan kepentingan perubahan dan agenda Transformasi Negara, saya telah memperkenalkan konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam yang berasaskan kepada enam prinsip, iaitu Keterbukaan; Turun Padang; Musyawarah (Engagement); Insaniah; Kekitaan dan Kerjasama Awam-Swasta dan NGO bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

15. Bagi meneruskan momentum ini juga, Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategy (NBOS) sedang diperhebatkan di setiap agensi kerajaan dengan didasari oleh tiga prinsip iaitu pelaksanaan yang pantas (rapid execution), kos yang rendah (low cost) dan berimpak tinggi (big impact).

ASPIRASI DAN HARAPAN

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

16. Di saat saudara dan saudari menerima watak pelantikan memasuki perkhidmatan awam, saudara dan saudari sebenarnya telah bersetuju untuk menyertai barisan Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD). Sebagai pelapis dalam persada perkhidmatan PTD, saudara-saudari perlu sentiasa

bersedia dalam membangunkan kompetensi diri sendiri secara berterusan agar dapat membentuk diri sebagai seorang pemimpin yang berwibawa dan unggul di masa akan datang.

17. Saya percaya kursus yang telah saudara-saudari lalui selama satu tahun ini telah berjaya memberi peluang kepada saudara-saudari semua untuk mengasah bakat dan meningkatkan kompetensi sebagai bakal PTD yang hebat dan berkebolehan tinggi melalui modul-modul yang telah disediakan.

18. Namun begitu, saya percaya terdapat beberapa ruang penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pihak INTAN dalam memperkasakan lagi modul kursus DPA ini. Oleh yang demikian, bagi menunjukkan komitmen saya kepada kursus kadet, saya sendiri akan melihat semula modul-modul yang sedia ada di mana saya percaya kepelbagaian dan integrasi sosial perlu diterap dan diperkasakan.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

19. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada INTAN dan pegawai-pegawainya serta rakan kolaborasi INTAN yang saban tahun melatih, mendidik dan membentuk PTD-PTD Muda tanpa jemu dan penuh dedikasi melalui kursus DPA.

20. Akhir kata, saya ingin ucapkan **Selamat Bertugas** dan **Selamat Maju Jaya** kepada saudara dan saudari sekalian tidak kira di mana akan ditempatkan kelak. Dengan tamatnya kursus Diploma Pengurusan Awam ini, maka terletaklah amanah dan harapan rakyat di atas bahu saudara-saudari sekalian. Saya yakin warga PROTEJA akan menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat di negara ini.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.